

INTEGRITI DI DALAM AGENSI PENGUATKUASA

Oleh

Datuk Yaacob bin Haji Md. Sam

Pengerusi Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan

(15 Disember 2014)

(Kertas kerja ini dibentangkan sempena Persidangan Pesuruhjaya Polis/Ketua Polis Negeri/Komander/Komandan PDRM Bil. 2/2014 di Maktab PDRM Cheras, Kuala Lumpur pada 15.12.2014)

Bismillahir Rahmani Rahim

Assalamua'laikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Selamat Pagi

Yang Dihormati Tan Sri Dato' Sri Ketua Polis Negara

Yang Dihormati Dato' Seri Timbalan Ketua Polis Negara

SDCP Dato' Zubaidah bin Md. Ismail, Pengarah JIPS

Dato' Seri-Dato' Seri, Dato'-Dato', Pegawai-Pegawai Kanan PDRM

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati

Terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang terima kasih kerana memberi saya peluang untuk dapat bertemu dengan pimpinan tertinggi PDRM dan pegawai-pegawai kanan PDRM dari pelbagai peringkat bahagian PDRM Bukit

Aman dan kontinjen-kontinjen negeri serta institusi PDRM dari seluruh negara yang berkumpul di dewan ini sempena Persidangan PJP/KP/Komander/Komandan PDRM Bil. 2/2014. Jemputan ini pada awalnya ditujukan kepada YB Datuk Paul Low Seng Kuan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Bagaimanapun oleh kerana YB Menteri tidak berkesempatan hadir disebabkan terdapatnya satu komitmen yang lain, maka YB Menteri telah meminta saya bagi mewakili beliau untuk hadir ke jemputan ini. Bagi tujuan tersebut, saya telah dapat menyediakan sedikit sebanyak bahan bagi kertas kerja saya untuk dapat saya kongsikan bersama para hadirin sekalian. Walaupun tajuk kertas kerja yang diberikan iaitu “Integriti Di Dalam Agensi Penguatkuasa” adalah satu tajuk am dan luas, tetapi saya ingin memberi fokus atau tumpuan pembentangan kepada hal-hal berkaitan PDRM.

Saya tidak berhasrat untuk menyentuh kes-kes bersifat rasuah dalam kertas kerja saya ini. Perkara berkaitan rasuah dalam agensi penguatkuasa akan dapat tuan/puan bincangkan semasa sesi bersama Ketua Pesuruhjaya SPRM pada petang nanti. Namun begitu, pada 9.12.2014 yahoo news memetik laporan Reuters yang melaporkan seorang Pegawai Tertinggi Tentera negara China yang bertanggungjawab di bahagian logistik *People’s Liberation Army* telah dikatakan mempunyai simpanan emas bernilai US5 bilion bersamaan 30 billion

yuan matawang China. Pegawai ini dikatakan hanya menerima emas sebagai habuan bagi menjual pelbagai kedudukan pangkat dalam tentera. Ini adalah negara di mana pesalah rasuah dikenakan hukuman mati. Jelasnya hukuman berat sahaja tidak memadai untuk mencegah perlakuan rasuah. Di negara kita, terdapat peruntukan hukuman mati mandatori bagi pengedaran dadah tetapi aktiviti pengedaran masih berlaku yang bukan sahaja melibatkan kuantiti dadah berbahaya yang kecil tetapi juga yang berskala besar. Tangkapan dan sitaan sejumlah besar dadah berbahaya kebelakangan ini telah membuktikan perkara ini. Akhbar Utusan Malaysia bertarikh 9.12.2014 (Selasa – muka surat 23) memetik pernyataan oleh Timbalan Ketua Polis Negara bahawa dalam masa 4 hari sebelum 9.12.2014 pasukan JSJN Bukit Aman dan Pasukan STING telah berjaya mematahkan empat cubaan menyeludup 129.98 kilogram dadah pelbagai jenis bernilai RM1.5 juta yang dihantar menerusi perkhidmatan kurier dan keldai dadah di Selangor dan Pulau Pinang. Nilai rampasan dadah bagi tahun 2014 sehingga Oktober adalah sejumlah 637.82 kilogram bernilai RM44.28 juta manakala jumlah rampasan pil 35,330 biji bernilai RM1.64 juta. Nilai rampasan aset dadah dari tahun 2011 hingga Julai 2014 melebihi RM215 juta. Di negeri Kelantan, masalah penggunaan pil kuda (methamphetamine) yang tertinggi dalam negara (76.6%) di mana pil tersebut yang mudah didapati atau dibeli dari negara jiran pada harga RM13.00 hingga RM20.00 sebiji

menjadi penyumbang kepada peningkatan kadar jenayah. Jika pihak SPRM mensasarkan tindakan bagi menyekat "*chain of corruption*", maka saya percaya pihak PDRM juga telah mempunyai plan tindakan tersusun bagi menyekat "*chain of supply*" dadah berbahaya dari dalam dan luar Negara.

Akhbar Berita Harian bertarikh 9.12.2014 (Selasa - muka surat 26) pula memetik sumber maklumat dari pegawai kanan SPRM bahawa sejak tahun 2012, SPRM telah menerima 1,566 maklumat mengenai penguat kuasa agensi kerajaan yang melepaskan kes jenayah dan melindungi penjenayah, sama ada secara bersendirian atau berkumpulan. Sepanjang tempoh itu, 320 penguat kuasa yang disyaki belot ditangkap, 388 kertas siasatan dibuka dengan 142 kes dibawa ke mahkamah. Akhbar itu juga melaporkan dalam tempoh lima tahun, SPRM menerima 4,693 laporan berkaitan salah laku rasuah membabitkan pegawai awam. Dari jumlah itu, 1077 kes disiasat dengan sejumlah 847 tangkapan dibuat.

Saya memulakan kertas kerja ini dengan mengimbau kepada kerangka undang-undang lampau kerana dari situ kita akan dapat melihat sedikit sebanyak arah tuju dan perkembangan tanggungjawab PDRM sebagai agensi penguatkuasa undang-undang yang memerlukan pendekatan dan pemikiran baharu dalam

memerangi jenayah dan membanteras keganasan. Mengapa saya mengatakan sedemikian? Dengan pemansuhan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, anasir-anasir yang boleh mengancam dan menggugat keselamatan dan keamanan Negara tidak lagi boleh ditahan di bawah langkah-langkah pencegahan seperti sebelumnya. Undang-undang baharu iaitu Security Offences (Special Measures) Act 2012 (Act 747) (SOSMA) walaupun memberi kuasa penahanan tetapi adalah bagi satu jangka masa pendek dan orang tahanan selepas itu perlulah dibawa ke mahkamah bagi pertuduhan secara terbuka ke atas jenis kesalahan keselamatan yang dikatakan dilakukan olehnya. Maka itu sudah pastinya memerlukan siasatan rapi dilakukan terhadap kesalahan melalui pengumpulan keterangan-keterangan yang boleh diterima masuk (*admissible evidence*) bagi tujuan proses pendakwaan/pertuduhan dan mempunyai daya tahan apabila dicabar oleh orang tertuduh/peguamcara terhadap kredibiliti keterangan tersebut. Keadaan di mana percakapan-percakapan risikan (*intelligent statement*) yang digunapakai di bawah ISA 1960 bagi satu-satu perintah tahanan dibuat telah tidak lagi membantu pihak PDRM di bawah undang-undang SOSMA. Saya melihat ini sebagai cabaran yang besar kepada PDRM. Kita boleh mengambil contoh terdekat daripada pendakwaan kes pencerobohan warga asing di Lahat Datu, Sabah yang dibuat di bawah SOSMA, tetapi di dalam kes tersebut penceroboh-penceroboh dan aktiviti

mereka boleh dikenalpasti secara positif. Kerumitan pastinya berlaku bagi kes-kes kesalahan rentas sempadan (trans-boundries) dan aktiviti keganasan yang terancang. Maka itu pihak kerajaan pada sesi Parlimen yang sedang berlangsung telah membawa usul khas bagi digubal undang-undang khusus berkaitan *terrorisme* yang mungkin mempunyai ruang bagi tahanan langkah-langkah pencegahan dilakukan dengan peruntukan mekanisma hak membela diri diberikan melalui satu perbicaraan tertutup yang adil. Penahanan mana-mana individu di bawah mana-mana undang-undang pencegahan hendaklah dibuat secara yang teliti dan mematuhi skop undang-undang supaya tidak terjadi keadaan di mana tahanan (detention) tersebut kemudiannya diisytiharkan oleh mahkamah sebagai tahanan yang tidak sah (unlawful detention). Baru-baru ini Mahkamah Rayuan Malaysia telah memberikan gantirugi sejumlah RM4.55 juta kepada lima orang individu yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960 apabila mahkamah memutuskan tahanan tersebut tidak sah di sisi undang-undang. Setiap tahanan ditahan selama 41 hingga 54 hari bagi tujuan siasatan, menjadikan purata gantirugi ialah di antara RM10,000 hingga RM15,000 sehari bagi setiap tahanan tersebut. Illusttrasi ini secara tidak langsung adalah melihatkan nilai harga sebuah kebebasan milik individu dari tahanan yang tidak sah oleh pihak berkuasa.

Pemansuhan Emergency (Public Order and Prevention of Crime) Ordinance 1969 (POPOC) juga telah mendatangkan cabaran baru kepada PDRM dalam mengawal dan membasmi jenayah berunsur sindiket yang terancang. Jika dahulu penjenayah-penjenayah yang terlibat dalam sindiket-sindiket jenayah terancang boleh ditahan bagi sesuatu tempoh masa tertentu bagi tujuan siasatan dan kemudiannya ditahan di bawah langkah pencegahan melalui perintah Menteri Dalam Negeri berdasarkan penggunaan percakapan-percakapan risikan yang dirakamkan berkaitan aktiviti penjenayah terlibat termasuk percakapan oleh rakan sejenayah (accomplice), kini ruang kuasa tersebut telah tiada lagi. Undang-undang pencegahan seperti Prevention of Crime Act 1959 (Act 297) (POCA) yang ada sekarang walaupun memberi kuasa penahanan untuk waktu singkat ke atas saspek yang disyaki untuk siasatan bagi jenis kesalahan yang didaftarkan dan inkuiri diadakan sebelum apa-apa perintah tahanan boleh dibuat oleh Menteri, ia adalah sangat terhad pemakaian dan kesannya dalam usaha pencegahan jenayah. Terdahulunya POCA (termasuk pindaan) hanya berkuatkuasa di Semenanjung dan hanya kebelakangan ini kuatkuasa POCA diperluaskan ke negeri Sabah dan Sarawak. Satu-satunya undang-undang yang masih tinggal bagi tahanan langkah-langkah pencegahan ialah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas)

1985 (Akta 316) yang berkuatkuasa mengikut tempoh masa yang dipersetujui oleh Parlimen dari semasa ke semasa melalui resolusi. Akta ini telah memberi ruang kepada penahanan individu-individu yang disyaki terlibat dengan aktiviti pengedaran dadah berbahaya dan pesalah di mana kes pertuduhan pengedaran tidak dapat dibuktikan tanpa keraguan yang munasabah. Namun begitu, sekiranya Parlimen memutuskan Akta ini yang dibuat di bawah Artikul 149 Perlembagaan Persekutuan tidak wajar lagi diteruskan kuatkuasanya, maka akan tiada lagi kaedah tahanan pencegahan boleh dilakukan dan setiap kes-kes berkaitan pengedaran dadah perlu dibuktikan di mahkamah melalui keterangan-keterangan yang *'admissible'* dan saksi-saksi yang *'credible'*. PDRM dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (ADK) oleh itu perlu mempunyai pemikiran strategi yang baru dalam penyiasatan kes-kes pengedaran dadah jika ingin mendapatkan sabitan serta kaedah baru dalam membendung aktiviti berkaitan pembuatan dan pengedaran dadah serta perlucuthakan harta hasil aktiviti pengedaran dadah. Di samping itu, terdapat kekangan undang-undang dalam kes-kes perlucuthakan harta dari hasil dadah yang mana Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988 tidak mempunyai bidangkuasa *"extra-territorial"* yang menyebabkan harta yang menyalahi undang-undang seperti hartanah dan wang simpanan di luar negara milik pengedar dadah tidak dapat diberi kesan tindakan perlucuthakan.

Pindaan kepada seksyen 113 Kanun Tatacara Jenayah pula telah mengurangkan ruang bagi pengemukaan keterangan terhadap tertuduh. Pernyataan tertuduh atau orang-orang yang dirakam percakapan di bawah seksyen 113 tidak lagi boleh dikemukakan sebagai keterangan oleh pihak pendakwaan bagi tujuan membuktikan kesalahan dan mendapatkan sabitan kecuali bagi kegunaan untuk mencabar kepercayaan keterangan tertuduh (*for impeachment of the accused person*). Oleh itu pegawai penyiasat tidak lagi boleh bersandar kepada pengakuan tertuduh di bawah seksyen 113 bagi mendapatkan kebenaran pertuduhan oleh Pendakwa Raya/TPR. Walaubagaimana pun, terdapat kebaikan terhadap pindaan tersebut. Ini kerana pihak PDRM tidak lagi didedahkan atau ditohmah dengan pelbagai dakwaan tidak munasabah berkaitan ugutan, dorongan atau janji (*threat, inducement or promise*) yang terlibat dalam mendapatkan pengakuan tertuduh. Ini telah sedikit sebanyak membantu PDRM dalam menjaga imej dan mengurangkan persepsi buruk sangka orang ramai terhadap PDRM. Pun begitu di peringkat dunia, baru-baru ini didedahkan bagaimana Agensi Risikan Persekutuan Amerika (CIA) melakukan “brutal interrogations” atau “hash intterogations” ke atas saspek tahanan bagi mendapatkan maklumat berkaitan ketua organisasi Al Qaeda bernama Osama Ben Ladin termasuk teknik “59

hours of sleep deprivation, which led him (detainee) to begin hallucinating. He (detainee) also experienced "mild paralysis" from the stress positions." Kita semua tahu bahawa Osama Ben Laden telah berjaya dijejaki dan terbunuh di dalam satu serbuan pihak berkuasa.

Adakah perubahan masa yang berlaku juga memerlukan peremajaan dalam PDRM? Peremajaan yang saya maksudkan di sini ialah ke arah pendekatan dan pemikiran baru dalam penguatkuasaan undang-undang dan proses siasatan. Penubuhan pasukan-pasukan tindakan yang terfokus seperti Pasukan Khas Taktikal dan Risikan Narkotik (STING), Pasukan Petugas Khas Jenayah Terancang (STAFOC) dan terbaru Pasukan Tindakan Khas Anti Maksiat, Judi dan Gangsterisme (STAGG) oleh PDRM yang mendapat latihan khusus di lapangan masing-masing adalah satu usaha yang baik oleh PDRM dalam menguatkuasakan undang-undang secara lebih efektif dan fokus. Namun begitu, pasukan-pasukan ini juga perlu juga dilatih dalam pemeliharaan dan pengumpulan keterangan-keterangan berkaitan kesalahan yang boleh dibuktikan di mahkamah. Peredaran masa dan rekaan-rekaan atau penemuan-penemuan baru teknologi memerlukan pihak PDRM juga bergerak seiringan dengannya malahan perlu lebih di hadapan dengan intisipasi-intisipasi keadaan. Ini juga adalah satu cabaran buat PDRM supaya tidak ketinggalan

kebelakang oleh teknologi-teknologi canggih dan baharu yang dimiliki atau digunakan oleh penjenayah. Saya berpendapat PDRM wajar membangunkan R & D sendiri dengan bantuan pakar-pakar mahir yang inovatif. Dengan jumlah bajet yang besar yang peruntukkan oleh kerajaan kepada PDRM, saya percaya PDRM berkemampuan untuk melabur ke arah R & D tersebut. Teknologi canggih yang pada masa ini sangat mudah untuk dicapai atau dimiliki telah membantu penjenayah melakukan jenayah dengan meninggalkan hanya sedikit kesan yang tentunya menyukarkan siasatan. Sesuatu insiden atau perlakuan oleh anggota penguatkuasa boleh dimuat naik dengan mudah dan pantas secara aplikasi mudah alih ke alam maya melalui internet dan menjadi 'viral' bagi tontonan dunia dalam sekelip mata dan sekali gus berupaya mencemar imej dan reputasi sesuatu agensi penguatkuasa. Membina adalah jauh lebih sukar dari meruntuh. Oleh itu satu pendekatan baru yang berhemah serta tegas dan konsisten diperlukan dalam aktiviti-aktiviti penguatkuasaan undang-undang.

Saya menyentuh sedikit kepada realiti yang telah terjadi yang sedikit sebanyak telah menjejaskan imej dan integriti agensi penguatkuasa.

Pada 26.3.2013 seorang lelaki bernama James Ramesh a/l Ramasamy (JR) berumur 39 tahun meninggal dunia semasa dalam tahanan Ibu Pejabat Polis Daerah Timur Laut, Pulau Pinang. JR ditangkap pada jam lebih kurang 2.00 petang pada 25.5.2013 setelah ujian air kencing JR didapati positif morphine. JR dimasukkan ke dalam lokap lebih kurang jam 4.00 petang hari yang sama dimana 9 tangkapan lain juga ditempatkan di lokap yang sama. Keesokan harinya pada jam 10.40 pagi 26.3.2013 JR didapati telah meninggal dunia ketika anggota lokap membuat urusan bagi proses reman mahkamah. Pada 12.12.2014 prosiding inkues telah selesai dan Koroner membuat keputusan "misadventure" terhadap kematian. Tiada perlakuan salah laku polis terhadap kematian JR.

Terbaharu, pada 3.11.2014 seorang orang tangkapan/tahanan bernama Syed Mohd Azlan bin Syed Mohamed Nur (SM) berumur 25 tahun meninggal dunia ketika di dalam jagaan pihak polis. SM dikatakan mengalami sesak nafas dan di bawa ke Klinik Bandar Penawar dari Balai Polis Sungai Rengit, Pengerang, Johor tetapi kemudiannya telah meninggal dunia. Berita mengenai kematian SM mendapat liputan pada 25.11.2014 di Harian Metro, Berita Harian, The Star, Malaysiakini dan Free Malaysia Today. SM ditangkap pada jam 3.00 pagi pada 3.11.2014 bagi siasatan berkaitan satu kes rusuhan menggunakan senjata yang

dikatakan berlaku pada 19.9.2014. Pada 27.11.2014 mesyuarat ahli-ahli Pesuruhjaya Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) telah membuat keputusan bagi satu siasatan tentang kematian tersebut dibuat oleh EAIC. Siasatan ini dijalankan tanpa apa-apa publisiti dibuat di atas tujuan untuk mengetahui sebab kematian SM terlebih dahulu sebelum pihak EAIC menimbangkan keperluan penubuhan satu pasukan petugas khas bagi suatu siasatan penuh dilaksanakan. Pegawai penyiasat EAIC sedang mengumpul keterangan berkaitan kematian tersebut.

Pada 20.1.2009 seorang lelaki bernama Kugan a/l Ananthan berumur 22 tahun telah meninggal dunia semasa dalam tahanan di Balai Polis Taipan, USJ, Subang Jaya. KA ditangkap dan ditahan pada 14.1.2009 berkaitan kes siasatan curi kenderaan. Pada 20.1.2009 jam lebih kurang 9.00 pagi KA telah meninggal dunia. Laporan autopsy kedua (setelah keluarga KA mempertikaikan laporan autopsy pertama) mendapati sebab kematian adalah disebabkan oleh "*acute renal failure due to rhabdomyolysis due to blunt trauma to skeletal muscles*". KA didapati mengalami 45 jenis kecederaan luaran disamping kecederaan dalaman. Seorang anggota polis telah dituduh di Mahkamah Sesyen di bawah dua kesalahan seksyen 331 (cedera parah) dengan pertuduhan pilihan di bawah seksyen 330(cedera) Kanun Keseksaan kerana mendatangkan

kecederaan parah/cedera kepada KA semasa KA disoal siasat di Pejabat D9, Balai Polis Taipan. Anggota tersebut kemudiannya telah didapati bersalah dan disabitkan oleh Mahkamah Sesyen dan dihukum 3 tahun penjara bagi setiap kesalahan dan hukuman diperintahkan berjalan serentak. Rayuan terhadap sabitan dan hukuman telah dibuat oleh anggota tersebut.

Melalui Guaman Sivil No. 21NCVC-701-2012 ibu simati bernama N Indra a/p Nallathamby (pentadbir pusaka dan dependant simati) telah memfailkan guaman sivil terhadap pihak polis bagi gantirugi. Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah membenarkan tuntutan plaintif tersebut. Di antara findings hakim bicara telah memutuskan seperti berikut *“Held(3) Pemasukan data yang direkodkan di dalam diari balai di antara 15.1.2009 sehingga 16.1.2009 dan kemudiannya dari 16.1.2009 sehingga simati meninggal dunia pada 20.1.2009 adalah pemalsuan (fabrication) dan perbuatan tidak jujur (dishonest act) pada pihak pegawai-pegawai atau pegawai polis yang mana telah membuat rekod di dalam diari balai bahawa simati berada dalam kesihatan yang baik”*. Mahkamah juga telah memutuskan bahawa pegawai-pegawai utama polis yang dijadikan sebagai defendan-defendan bersama adalah bertanggungjawab secara vikarius (*vicariously liable*). Keputusan tersebut telah dibuat rayuan ke Mahkamah Rayuan. Adalah suatu yang menarik untuk melihat sama ada

elemen '*vacarious liability*' bagi kes-kes sedemikian akan disahkan atau sebaliknya oleh Mahkamah Rayuan kerana ianya mempunyai implikasi yang luas di sisi undang-undang. (Butiran penuh penghakiman kes guaman ini boleh dilihat di dalam kes *N Indra a/p Nallathamby (administratrix of the estate and dependant of Kugan a/l Ananthan, deceased v Datuk Seri Khalid bin Abu Bakar & Ors [2004] 8 CLJ 625*).

Pada 16.6.2009 jam 6.30 pagi seorang lelaki bernama Teoh Beng Hock (TBH) dijumpai meninggal dunia di premis Plaza Masalam, Shah Alam, Selangor iaitu bangunan di mana pejabat SPRM Selangor terletak. TBH adalah merupakan seorang Setiausaha Politik kepada seorang Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor. Ketika tarikh tersebut, TBH sedang menghadiri sesi siasatan yang dijalankan oleh pihak SPRM berkaitan kes tuntutan palsu. Satu inkues oleh Mahkamah Koroner telah dijalankan tetapi tidak dapat membuat apa-apa dapatan sama ada kematian tersebut akibat "*suicide*" atau "*homicide*", atau dengan kata lain "*open verdict*". Pada 26.1.2011, Yang di-Pertuan Agong telah melantik satu Suruhanjaya Siasatan DiRaja yang dianggotai oleh lima orang ahli bagi menyiasat hal ehwal berkaitan kematian TBH. Pada 15.6.2011 Suruhanjaya Siasatan DiRaja menyiapkan laporan siasatan. Laporan penuh Suruhanjaya tersebut terkandung dalam "*Royal Commission To Enquire Into*

Death of Teoh Beng Hock” yang telah didedahkan sepenuhnya kepada umum. Siasatan oleh Suruhanjaya Siasatan DiRaja mendapati terdapat “*serious breaches*” tatacara siasatan/interogasi oleh pegawai-pegawai penyiasat SPRM terhadap TBH. Melalui kes semakan yang difailkan ke Mahkamah Rayuan oleh keluarga TBH terhadap keputusan Mahkamah Koroner, Mahkamah Rayuan pada bulan September 2014 telah mengubah dapatan Mahkamah Koroner dan menggantikan dengan dapatan berikut:

“Death of Teoh Beng Hock was caused by multiple injuries from a fall from the 14th Floor of Plaza Masalam as a result of, or which was accelerated by, an unlawful act, or acts of person or persons unknown, inclusive of MACC officers who were involved in the arrest and investigation of the deceased.”

Pada 6.4.2011, seorang Pegawai Kastam bernama Ahmad Sarbani Mohamed (ASM) dijumpai meninggal dunia di atas gelanggang badminton di tingkat satu bangunan SPRM Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur. ASM berumur 56 tahun dan bertugas di Kastam Pelabuhan Klang. ASM adalah sebahagian daripada 62 orang Pegawai Kastam yang ditahan oleh SPRM berkaitan satu operasi dikenali sebagai “*Operation 3B*” yang dilancarkan oleh SPRM bersama Lembaga Hasil

Dalam Negeri, Kastam DiRaja Malaysia dan Bank Negara Malaysia ke atas satu sindiket pengelakan cukai dan aktiviti pengubahan wang haram yang dikatakan bernilai RM2.2 billion. Serbuan telah dibuat ke atas 100 buah premis. ASM ditahan pada 1.4.2011 dan dilepaskan bagi proses siasatan lanjut. Pada 4.4.2011 ASM ditahan sekali lagi bagi siasatan dalam mana pihak SPRM mengatakan ASM mengaku ada menerima habuan di antara RM50.00 dan RM100.00 setiap bulan dari seorang pegawai Schenker Logistic bernama Wan Zainal Abidin Wan Zaki dan di antara RM30.00 dan RM200.00 sebulan daripada seorang bernama Ah Seng dari Top Mark Freight & Shipping. Selepas pernyataan ASM diambil, ASM telah dilepaskan dengan jaminan (bail) oleh SPRM. Pada 6.4.2011 ASM telah datang semula ke pejabat SPRM di Jalan Cochrane, Kuala Lumpur jam 8.36 pagi dikatakan sebagai ingin menukar pernyataannya. ASM telah dibawa ke tingkat 3 bangunan tersebut oleh pegawai SPRM tetapi beberapa minit selepas berada di tingkat 3, lebih kurang jam 10.15 pagi ASM dikatakan telah hilang (*disappeared*). Pada jam 10.20 pagi beliau dijumpai telah meninggal dunia di tingkat satu gelanggang badminton terbuka di bangunan tersebut. Pada 2.6.2011 Peguam Negara bersetuju mengarahkan inkues diadakan ke atas kematian ASM. Pada bulan September 2011 Mahkamah Koroner mendapati kematian ASM akibat dari kemalangan (*accident*). Keluarga ASM yang tidak berpuas hati terhadap kejadian telah

memfailkan guaman sivil terhadap SPRM bagi tuntutan gantirugi. Kes guaman tersebut masih di dalam perbicaraan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.

Laman portal Human Rights Commission of Malaysia (SUHAKAM) yang memetik pernyataan Menteri Dalam Negeri melaporkan di antara tahun 2000 hingga May 2013 terdapat sejumlah 231 kematian individu semasa dalam tahanan (custodial death cases). Statistik yang dipetik dari PDRM pula melaporkan dari tahun 2000 hingga bulan Ogos 2013, terdapat sejumlah 233 kematian semasa di dalam tahanan pihak polis. Dari jumlah itu 19 kematian berlaku dalam tahun 2013 dan 4 kematian berlaku dalam dua bulan pertama tahun 2014. Kita semua maklum insiden kematian walau pun hanya ke atas seorang tahanan, sudah cukup untuk mencemarkan imej agensi terlibat dan berupaya menjadi satu isu nasional.

Dari contoh-contoh kes yang saya sebutkan di atas, ianya membawa saya kepada Kaedah-Kaedah Lokap (L.N. 328/1958) (The Lockup Rules 1953) khususnya kaedah 10 yang memperuntukkan seperti berikut:

“10. Pemeriksaan perubahan waktu masuk.

Pegawai Perubahan hendaklah seberapa yang boleh, memeriksa tiap-tiap banduan dengan seberapa segera selepas

ia masuk ke dalam lokap dan akan mengesahkan sama ada banduan itu layak untuk dipenjara dan, jika banduan itu disabitkan kesalahannya, diberi apa jenis kerja yang boleh dibuatnya.”

Kaedah 2 Kaedah-kaedah Lokap tersebut mendefinisikan perkataan “banduan” ertinya seseorang, sama ada telah disabitkan kesalahannya atau tidak, yang dikurung atau ditahan dalam lokap. Adakah tangkapan yang ditahan di lokap balai polis tertakluk kepada Kaedah-Kaedah Lokap tersebut? Jawapannya ialah *affirmative* iaitu mana-mana orang yang ditangkap dan ditahan di lokap balai polis bagi siasatan adalah tertakluk dan perlu dilayani sebagai mana yang dikehendaki di bawah Kaedah-Kaedah Lokap tersebut. Bagaimana pun adakah kaedah 10 yang saya nyatakan tadi ada dipatuhi oleh Ketua Pegawai Lokap dan Pegawai Perubatan? Kaedah 3 Kaedah-Kaedah Lokap mengatakan “penjagaan dan pentadbiran am lokap-lokap dan kawalannya oleh pegawai-pegawai polis yang menjaga lokap-lokap atau ditempatkan di lokap, hendaklah terletak ke atas Ketua Pegawai Polis”. Kaedah 46 mengatakan “Pegawai polis tidak boleh memukul atau menggunakan kekuatan fizikal terhadap seorang banduan melainkan terpaksa berbuat demikian kerana mempertahankan diri atau dalam mempertahankan orang lain.” Kaedah 36 pula mengatakan “Pegawai Penjaga

atau Timbalan Pegawai Penjaga hendaklah tanpa berlengah lagi merepotkan kepada Pegawai Perubatan apa-apa kejadian ketidakstabilan mental (*apparent mental disorder*) atau kecederaan (*injury*) atau kesakitan (*illness*) yang dialami oleh banduan.” Saya berpendapat jika kaedah-kaedah tersebut dijadikan ikutan dan pematuhan yang ketat termasuk SOP berkaitan tangkapan, interogasi dan pengambilan percakapan siasatan, maka insiden-insiden yang tidak diingini yang melibatkan tahanan akan dapat dikurangkan atau dibasmi sama sekali.

Dengan rujukan-rujukan di atas dan pentingnya ditanamkan budaya pematuhan undang-undang, peraturan, perintah dan garis panduan yang terdapat, ianya membawa saya kepada ucapan oleh YDH Ketua Polis Negara Tan Sri Dato’ Sri Khalid bin Abu Bakar di Seminar Ketua Polis Daerah yang diadakan di Maktab Polis DiRaja Malaysia Cheras pada 28.10.2014 yang mengatakan seperti berikut:

“Penubuhan JIPS adalah tanda komitmen kita untuk memperkasakan PDRM dengan memantapkan integriti pegawai di samping memastikan tugas dilaksanakan dengan mematuhi standard yang telah ditetapkan. Saya amat yakin JIPS akan berjaya mengembalikan zaman-zaman gemilang PDRM di mana

kita bukan sahaja digeruni dan disegani, tapi turut dihormati dan disanjung tinggi oleh masyarakat sekeliling. Tindakan-tindakan awal yang diambil oleh JIPS setakat ini menunjukkan bahawa jabatan tersebut telah berada di landasan yang betul. Dengan adanya Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP) yang bertindak sebagai pemantau dan mengendalikan isu berkaitan integriti dan disiplin, saya yakin kita telah cukup bersedia untuk membawa transformasi yang diharapkan di kalangan pegawai dan anggota PDRM.

Sehubungan itu, kita perlu mengkaji dengan mendalam cadangan penubuhan Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC) agar tidak 'melemaskan' PDRM dengan terlalu banyak badan pengawasan dan pemantauan yang menjalankan tugas dan tanggungjawab yang sama.”

Pada 25.7.2014 Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) ditubuhkan oleh PDRM sebagai jabatan yang kesembilan di dalam organisasi PDRM. Visi JIPS adalah bagi menjadi agensi peneraju dalam menjadikan Malaysia negara selamat, aman dan sejahtera. Misi JIPS pula ialah untuk membentuk warga PDRM yang berintegriti ke arah kepolisian bertaraf dunia. Selain dari mempunyai lima objektifnya, JIPS juga berfungsi sebagai Urusetia Lembaga

Tatatertib PDRM. Petikan dari info korporat PDRM yang boleh dicapai di laman sesawang <http://www.rmp.gov.my/infor-korporate/polis-diraja-malaysia> yang dimuat turun oleh saya pada 4.12.2014 mellihatkan PDRM mempunyai 112,145 pegawai dan anggota. Jumlah tersebut tidak termasuk kumpulan sokongan yang juga membantu melaksanakan tanggungjawab PDRM yang terdiri daripada Polis Tambahan, Sukarelawan Polis, Polis Bantuan, Kadet Polis dan kakitangan awam.

Pada bulan September 2014, JIPS melancarkan Facebook JIPS bertujuan memuatnaik makluman-makluman dan berita-berita terkini yang melibatkan hal-hal berkaitan integriti dan aktiviti-aktiviti dalam meningkatkan dan memupuk nilai-nilai integriti di kalangan pegawai dan anggota PDRM. Bagaimanapun saya melihat setakat 13.12.2014, hanya terdapat sejumlah 8,353 “likes” sahaja. Media sosial ini adalah merupakan penghubung terus yang dapat berkomunikasi dan menyampaikan maklumat-maklumat semasa dan terkini kepada seluruh warga kerja PDRM berkaitan aktiviti anggota dan pegawai di lapangan. Saya berpendapat dengan hanya 8,353 “likes”, ia sangat jauh dari jumlah bilangan pegawai dan anggota PDRM dan lebih jauh lagi jika diambil kira jumlah keahlian dalam badan-badan pembantu PDRM dan ahli keluarga pegawai dan anggota PDRM. Oleh itu saya sarankan untuk arahan

dikeluarkan kepada setiap pegawai dan anggota untuk menjadi “friends” atau “likes” kepada Facebook JIPS. Saya percaya visi, misi dan objektif JIPS akan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan secara lebih menyeluruh dan terkini melalui komunikasi facebook yang terbuka atau secara melalui pengenalan kata laluan (passwords) pengguna bagi akses maklumat terperingkat. Laman facebook cawangan-cawangan JIPS di peringkat negeri atau kontinjen juga perlu dipertingkatkan, terdapat facebook cawangan JIPs yang hanya mempunyai 101 “likes” sahaja.

Saya menyentuh pula sekarang perkara berkaitan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC). EAIC telah ditubuhkan di bawah Akta 700 yang mula berkuatkuasa pada 1.4.2011 (P.U.(B) 148/2011). Terdapat 7 orang Pesuruhjaya yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong sebagai ahli-ahli Pesuruhjaya EAIC. Lantikan adalah bagi tempoh selama 3 tahun dan ahli layak dilantik semula bagi tempoh 3 tahun berikutnya. Butiran latar belakang Pesuruhjaya EAIC dapat dilihat di laman sesawang EAIC di www.eaic.gov.my. Seksyen 4 Akta 700 memperuntukkan lapan fungsi EAIC. Terdapat 21 buah agensi penguatkuasaan terletak di bawah seliaan bidang kuasa EAIC seperti yang diperuntukan di bawah Jadual Pertama Akta 700, dan ianya termasuk agensi-agensi

penguatkuasaan utama seperti PDRM, Kastam, Imigresen, JPJ, Rela dan lain-lainnya.

Antara fungsi EAIC termasuk:

- (a) menerima aduan salah laku daripada orang ramai terhadap seseorang pegawai penguat kuasa atau terhadap sesuatu agensi penguatkuasaan secara amnya dan menyiasat serta mengadakan pendengaran mengenai aduan sedemikian;
- (b) mengadakan pengauditan dan pemantauan mengenai aspek tertentu operasi dan tatacara sesuatu agensi penguatkuasaan;
- (c) membantu kerajaan dalam merumuskan perundangan atau mengesyorkan langkah pentadbiran kepada kerajaan atau sesuatu agensi penguatkuasaan, demi menggalakkan integriti dan menghapuskan salah laku di kalangan pegawai penguat kuasa.

Apakah salah laku yang tergolong di bawah bidangkuasa EAIC? Ruang lingkup salah laku tersebut dinyatakan oleh seksyen 24 Akta 700. Ianya termasuk

aduan terhadap tindakan yang diambil yang bertentangan dengan undang-undang atau tindakan yang gagal diambil oleh mana-mana agensi penguatkuasaan yang berlawanan dengan mana-mana undang-undang bertulis. Ianya juga termasuk kegagalan pegawai penguat kuasa untuk mengikuti kaedah-kaedah dan tatacara yang ditetapkan oleh undang-undang atau oleh pihak berkuasa yang berkenaan dan termasuk juga apa-apa tindakan yang diambil atau tidak diambil oleh pegawai penguat kuasa yang dilakukan atas motif tidak wajar, alasan yang tidak berkaitan atau pertimbangan yang tidak berkaitan. Dapatan siasatan oleh EAIC setelah dipertimbangkan oleh ahli-ahli Pesuruhjaya EAIC akan diperakukan kepada pihak-pihak terlibat seperti Pendakwa Raya, SPRM dan pihak berkuasa tata tertib pegawai berkaitan dengannya. Cadangan-cadangan telah disarankan oleh pelbagai pihak untuk EAIC diberikuasa lebih meluas dan kukuh dan mempunyai kesan (*sanction*) dalam memastikan EAIC akan menjadi badan pemantau yang benar-benar efektif terhadap agensi-agensi penguatkuasaan di bawah bidangnya. Kesukaran mendapatkan kerjasama dari agensi penguatkuasaan dan ketiadaan atau kelewatan tindakan susulan yang pantas dan efektif oleh agensi penguatkuasaan terhadap permintaan atau perakuan-perakuan yang dibuat oleh EAIC menjadi alasan yang memihak kepada kumpulan-kumpulan pendesak atau oleh badan-badan bukan kerajaan (NGOs) untuk melihat EAIC sebagai

badan bebas sedia ada diperkasakan dengan diberikan kuasa-kuasa seperti mana yang terdapat dalam cadangan penubuhan Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC).

Melalui info-korporat oleh Urusetia KPN, PDRM mempunyai piagam pelanggan berikut:

- . memberi jawapan akuan terima dan tindakan susulan yang diambil kepada semua surat-menyurat yang diterima secara rasmi melalui pos/berdaftar/faks dan e-mel dalam tempoh tiga (3) hari bekerja dari tarikh penerimaan.
- . melayan dalam tempoh 15 minit selepas mendapat nombor giliran.
- . bertindak atau berada di tempat kejadian dalam tempoh 15 minit setelah menerima maklumat kejadian.
- . memaklumkan status siasatan kepada mangsa bagi:
 - perkembangan siasatan kes dalam tempoh empat (4) minggu dari tarikh laporan polis diterima.
 - keputusan kes dalam tempoh dua (2) minggu selepas keputusan tersebut diperolehi.

- . menerima/melayan/menyiasat semua aduan pelanggan yang diterima tanpa prasangka dan maklumkan perkembangan dalam tempoh empat (4) minggu dari tarikh aduan diterima.

Apakah PDRM berjaya mencapai piagam pelanggan yang dijanjikan? Statistik Piagam Pelanggan Bagi Tahun 2014 melihatkan bagi tempoh bulan Januari 2014 pencapaian adalah 88.3%, Februari 90.0%, Mac 90.3%, April 90.0%, Mei 88.2%, Jun 87.3%, Julai 90.8%, Ogos 91.3%, September 92%. Belum ada data dikeluarkan bagi bulan Oktober dan November 2014. Bagaimana pun trend pencapaian tersebut melihatkan kenaikan sejak bulan Julai 2014 iaitu tempoh yang sama setelah JIPS ditubuhkan. Bagaimana pun saya tidak jelas apakah parameter atau benchmark yang disasarkan dalam peratus pencapaian piagam pelanggan tersebut samada ianya 100% sasaran atau pada satu kadar peratus yang lebih rendah dari itu. Namun begitu, penubuhan JIPS nampaknya berupaya membantu PDRM dalam meningkatkan pencapaian sasaran piagam pelanggan PDRM.

Apakah statistik pengaduan berkaitan PDRM yang telah direkodkan oleh EAIC sejak penubuhannya pada tahun 2011 hingga masa kini (November 2014)? Bagi tahun 2011, EAIC menerima sejumlah 17 aduan salah laku terhadap anggota

dan pegawai PDRM. Jumlah tersebut meningkat kepada 253 pada tahun 2012. Pada tahun 2013 merekodkan pengaduan sejumlah 215 terhadap PDRM. Jumlah aduan tersebut adalah yang tertinggi diterima oleh EAIC berbanding dengan agensi penguatkuasaan lain yang berada di bawah kawalselia EAIC. Pada tahun 2014 setakat akhir bulan November 2014, sejumlah 45 aduan diterima yang melibatkan PDRM. Jelasnya ia melihatkan penurunan. Dari 45 aduan dalam tahun 2014: 2 melibatkan salahlaku tidak mematuhi undang-undang atau SOP, 10 aduan berkaitan perlakuan atau siasatan yang menindas, 15 aduan kerana ketiadaan tindakan, 11 aduan bagi salahguna kuasa, 1 aduan bagi perlakuan rasuah, 4 aduan kerana lewat ambil tindakan dan 2 aduan bagi perlakuan bersifat jenayah. Penurunan aduan tersebut mungkin terjadi lanjutan daripada penubuhan JIPS bermula pada Julai 2014 yang mana pihak-pihak yang terkilang sekarang ini mempunyai ruang baru dalam menyampaikan pengaduan berkaitan salah laku anggota dan pegawai PDRM. Bagi aduan-aduan yang diterima oleh EAIC, aduan-aduan tersebut disiasat dan diputuskan oleh ahli-ahli Pesuruhjaya EAIC. Bagi aduan dalam tahun 2011, sebanyak 8 aduan ditolak, 3 dirujuk ke SPRM, 3 dirujuk ke pihak berkuasa tatatertib. Bagi aduan tahun 2012, sebanyak 120 aduan ditolak, 9 dirujuk ke SPRM, 16 dirujuk kepada pihak berkuasa tatatertib. Statistik EAIC melihatkan bagi tahun 2011 dan 2012 sejumlah 19 aduan yang telah dibuat siasatan penuh oleh EAIC dirujukkan

kepada pihak berkuasa tatatertib PDRM. Bagi tahun 2013 pula, sebanyak 138 aduan ditolak, 17 dirujuk ke SPRM, 24 dirujuk kepada pihak berkuasa tatatertib. Dari jumlah 24 aduan yang dirujuk kepada pihak berkuasa tatatertib pada tahun 2013, sejumlah 23 aduan adalah dirujuk kepada pihak berkuasa tatatertib PDRM. Bagi tahun 2014 bermula dari Januari 2014 sehingga 30 November 2014, sejumlah 106 aduan ditolak, 14 dirujuk kepada SPRM dan 15 kes aduan dirujuk kepada pihak berkuasa tatatertib PDRM. Secara keseluruhan dari tahun 2011 (1.4.2011 iaitu tarikh penubuhan EAIC dikuatkuasakan) sehingga akhir November 2014, jumlah pengaduan yang diterima oleh EAIC terhadap PDRM ialah 692 aduan, Jabatan Imigresen : 48 aduan, Jabatan Pengangkutan Jalan : 33 aduan dan Kastam DiRaja Malaysia : 20 aduan. Secara keseluruhan juga jumlah aduan yang diterima oleh EAIC terhadap 21 agensi-agensi penguatkuasaan dari tahun 2011 hingga November 2014 ialah sejumlah 974 aduan. Statistik keputusan siasatan terhadap aduan yang saya sebutkan di atas tadi adalah juga merangkumi kes-kes siasatan yang '*spill over*' dari tahun sebelumnya. Perlu disebutkan bahawa adalah menjadi prinsip pegangan EAIC bahawa EAIC akan sentiasa bersikap neutral atau tidak memihak di dalam melakukan siasatan ke atas aduan-aduan yang diterima. Di dalam mengamalkan proses ketelusan, EAIC memuatnaik statistik tersebut di laman sesawang EAIC yang boleh diakses oleh orang ramai.

Bagi kes-kes kematian mengejut, di peringkat badan kehakiman, satu inisiatif telah dilakukan dengan penubuhan 14 Mahkamah Khas Koroner di seluruh negara bagi menjalankan siasatan kematian yang memerlukan siasatan dibuat menurut peruntukan seksyen 329(1) Kanun Tatacara Jenayah. Ini termasuk kes-kes kematian dalam tahanan polis, kematian dalam penjara, kematian di mana-mana pusat tahanan dan kematian orang tahanan di hospital. Pegawai Kehakiman pada gred Jusa C telah ditugaskan sebagai Koroner bagi tujuan itu bagi tujuan memastikan siasatan kematian dijalankan oleh Koroner yang berpengalaman dan berpangkat tinggi dalam badan kehakiman. Koroner diberikan tempoh 9 bulan untuk menyelesaikan siasatan kematian daripada tarikh siasatan dimulakan. Satu Arahan Amalan Bil. 2 Tahun 2014 bagi garis panduan tentang cara pengendalian siasatan kematian dan Arahan Amalan Bil 2 Tahun 2012 bagi panduan mengenai prosedur pengurusan kes telah dikeluarkan oleh Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan bagi tujuan itu. Maka itu adalah penting kes-kes siasatan kematian mati mengejut (SDR) dapat disiapkan dengan kadar segera bagi membolehkan siasatan Koroner dijalankan bagi kes-kes sedemikian dengan seberapa segera dalam memenuhi hasrat dan kepentingan awam yang ingin mengetahui punca dan kejadian kematian orang tahanan. Pada peringkat yang lebih serius lagi, pihak EAIC

diberitahu melalui surat Pejabat Ketua Pendaftar bertarikh 3.12.2014 bahawa langkah-langkah sedang digembeling di bawah teraju Jabatan Peguam Negara bagi menggubal satu akta khas yang dinamakan Akta Koroner Malaysia melalui rang undang-undang koroner yang secara khusus memperuntukkan peruntukan-peruntukan mengenai siasatan dan prosedur siasatan dalam kes-kes sedemikian. Statistik bilangan kes-kes inkues (Kod 65A) dari bulan April 2014 hingga Oktober 2014 yang dikendalikan oleh Mahkamah Koroner seluruh Malaysia adalah seperti berikut: Kedah 5 kes inkues, Pulau Pinang 13 kes, Perak 5 kes, Kuala Lumpur 4 kes, Selangor 27 kes, Negeri Sembilan 12 kes, Melaka 23 kes, Johor 1 kes, Pahang 2 kes, Terengganu 21 kes, Kelantan 7 kes, Sabah 5 kes dan Sarawak 3 kes. Di dalam pada itu adalah menarik untuk kita melihat statistik bilangan kes bagi laporan mati mengejut yang dilaporkan kepada mahkamah di seluruh Negara dari tempoh April 2014 hingga Oktober 2014 (Kod 65): Perlis 15 kes, Kedah 220 kes, Pulau Pinang 496 kes, Perak 376 kes, Kuala Lumpur 76 kes, Selangor 227 kes, Negeri Sembilan 158 kes, Melaka 102 kes, Johor 257 kes, Pahang 37 kes, Terengganu 46 kes, Kelantan 103 kes, Sabah 260 kes dan Sarawak 104 kes. Dari statistik laporan mati mengejut nampaknya negeri Pulau Pinang berada di tempat tertinggi sejumlah 496 kes mati mengejut. Dari statistik inkues pula, jumlah inkues terbanyak ialah di negeri Selangor sebanyak 27 kes.

Saya juga mengharapkan agensi penguatkuasaan tidak sentiasa berada di bawah mood "*denial*" ke atas dakwaan-dakwaan yang dibuat oleh orang ramai. Mereka adalah pengguna kepada perkhidmatan kita. Di kebelakangan ini, pihak EAIC menerima pengaduan terdapat elemen-elemen amalan yang tidak baik oleh sebilangan pegawai dan anggota trafik di pelbagai peringkat khususnya di daerah yang dikatakan mengganggu dan meminta wang daripada "*runners*" dalam kes-kes kemalangan jalan raya. Implikasi jika gagal memenuhi permintaan wang, maka kerja-kerja "*runners*" akan menghadapi kerumitan atau kes akan diberikan kepada pihak lain yang "lebih bekerjasama". Terdapat juga pengaduan yang serupa dibuat oleh para peguam yang mengendalikan kes-kes kemalangan jalan raya. Kita tidak boleh menyifatkan aduan tersebut sebagai sesuatu yang remeh temeh. Api yang kecil jika dibiarkan boleh menjadi besar dan membakar rumah yang kita bersama mendiaminya. Pihak EAIC telah memanjangkan pengaduan tersebut kepada SPRM dan PDRM bagi tindakan lanjut. Di pihak PDRM, EAIC mengharapkan perkara ini dapat diberi perhatian yang berat kerana ia boleh mencemarkan integriti PDRM yang ingin diperkukuhkan. Orang ramai mengeluh dan mempunyai ekspektasi yang tinggi untuk mendapatkan perkhidmatan yang terbaik dan memudahkan. Mereka tidak mempunyai pilihan lain dalam berurusan. Janganlah kita membiarkan nila

setitik ini merosakkan susu sebelanga yang masih baik dan melunturkan semangat mereka yang ingin memberikan perkhidmatan yang terbaik dan jujur.

Saya ingin menyentuh pula perkara berkaitan Prosedur Operasi Standard/Standard Operating Procedure (SOP). Saya melihat setiap tugas dan kerja yang hendak dilaksanakan telah ada SOP untuk dijadikan panduan untuk diikuti atau dipatuhi. Di samping itu terdapat juga dokumen yang dipanggil perintah-perintah tetap Ketua Polis Negara (IGSO) serta Arahan Ketua Polis Negara untuk dipatuhi. Kesemua instrumen ini adalah digubal oleh pegawai-pegawai pakar yang berpengalaman dalam bidang masing-masing bagi menjadi panduan oleh pegawai dan anggota dalam menjalankan setiap tugas. Kepatuhan ke atasnya akan menyumbang kepada konsistensi dalam integriti serta kredibiliti tindakan oleh pegawai atau anggota itu sendiri. Di bawah Arahan KPN Bil. 80 bagi kes-kes kesalahan lazim ditangkap yang boleh dilepaskan dengan jaminan polis, jaminan polis jika diberikan tidak boleh melebihi 90 hari. Kes seperti kecurian ribuan pil-pil ecstasy dari stor simpanan eksibit hingga menjejaskan pendakwaan kes-kes pengedaran dadah di mahkamah tidak wajar terjadi jika peruntukan-peruntukan SOP dan IGSO dipatuhi dengan ketat dan tekun. Kesemua ini melibatkan isu integriti iaitu jujur, amanah dan pertanggungjawaban.

Sebagai pegawai awam atau penjawat awam, tatalaku kita tertakluk kepada Perintah-Perintah Am dan Arahan Pentadbiran dan secara khususnya Bab D Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993. Bagi pegawai awam di badan-badan berkanun mereka tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605). Saya percaya bagi PDRM sejumlah besar tindakan tatatertib adalah melibatkan kesalahan am di bawah Peraturan 4(2)(i) iaitu ingkar perintah atau berkelakuan dengan apa-apa cara yang boleh ditaksirkan dengan munasabah sebagai ingkar perintah, ie. kegagalan membuat pengisytiharan harta, kegagalan melengkapkan kertas siasatan, kegagalan melakukan penyeliaan atau memantau pegawai penyiasat di bawah seliaan, kegagalan mengedar kertas siasatan, arahan TTL (NFA) yang tiada kewajaran, salah klasifikasi laporan/aduan dan lain-lain. Tindakan tatatertib terberat adalah buang kerja.

Sebelum saya mengakhiri kertas kerja ini, saya ingin memetik titah ucapan oleh DYMM Raja Dr. Nazrin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah (baginda selaku Pemangku Raja Perak Darul Ridzuan) sewaktu memberi ucap

utama di Konvesyen Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2013, pada 20 Mei 2013 , di mana baginda mengatakan:

“Hari ini, godaan menghakis integriti lebih pelbagai wajahnya – lebih beraneka rupanya; tidak terbatas kepada sebatang pohon khuldi. Ia berbentuk pangkat dan gelaran, wang ringgit dan wanita cantik, intan berlian, zamrud dan nilam, percutian dan melancong, banglo besar dan kondominium mewah, malah namakan apa sahaja, lebih membimbangkan ia termasuk pakej-pakej bertopengkan ibadah – bertopengkan agama, dari keraian berbuka puasa di hotel lima bintang sehingga tajaan melakukan umrah dan mengerjakan haji. Hari ini, godaan menghakis integriti insan di dunia yang fana ini, lebih pelbagai, dengan gaya tarikan yang sukar ditolak, memudahkan dinding pertahanan dirempuh, memudahkan iman diruntuh.”

Baginda Tuanku juga mengatakan:

“Anggota perkhidmatan awam hendaklah diasuh berani berkata benar agar yang condong dapat segera ditegakkan, yang tiris

*dapat segera ditampal. Keberanian menyatakan kebenaran
meski dimarahi – meski tidak disukai, melambangkan integriti.”*

Kesimpulannya, saya menyeru kepada semua pegawai dan anggota agensi penguatkuasa untuk kita bersama memupuk nilai dan budaya kerja yang berintegriti di dalam mentadbir dan melaksanakan tugas sebagai pegawai awam agensi penguatkuasa secara yang terbaik dan cemerlang.

Sekian, terima kasih.

DATUK YAACOB BIN HAJI MD.SAM
PENGERUSI SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

15 Disember 2014